



**SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM  
JABATAN PENDIDIKAN KEDAH**

**MODUL 1  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM**

**SPM 2018**

---

---

**SKEMA TASAWWUR ISLAM**

**Kertas 2**

---

---

## SKEMA JAWAPAN KERTAS 2

<b>1</b>	(a)	Konsep ketuhanan merangkumi rububiyyah, uluhiyyah dan asma' wa sifat.	
		(i)	<p>Berikan pengertian tauhid uluhiyyah ?</p> <p>[ 2 markah ]</p>
			<p><b>Maksud tauhid Uluhiyyah ialah</b> keyakinan dalam hati secara mutlak bahawa Allah SWT yang Maha Esa yang layak disembah, dipatuhi dan ditaati segala perintahnya.</p> <p>1x 2m = 2m</p>
		(ii)	<p>Nyatakan <b>dua</b> konsep uluhiyyah.</p> <p>[ 4 markah ]</p>
			<p><b>Dua Konsep Uluhiyyah</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengakui hanya Allah SWT yang layak disembah dan ditaati / segala perintahnya</li> <li>2. Paksi utamanya / ialah kalimah syahadah</li> <li>3. Orang yang tidak beriman dengan tauhid uluhiyyah / dianggap sesat</li> </ol> <p>2x 2m = 4m</p>
	(b)	(i)	<p>Nyatakan dua keistimewaan insan.</p> <p>[ 2 markah ]</p>
			<p>Dua keistimewaan insan :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1- Berbudaya bertamadun</li> <li>2- Memiliki akal fikiran</li> <li>3- Menjadi rasul</li> </ol> <p>1x 2m = 2m</p>
		(ii)	<p>Terangkan dua tanggungjawab insan terhadap Allah s.w.t.</p> <p>[ 4 markah ]</p>
			<p><b>Dua</b> tanggungjawab insan kepada Allah :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1- Menyembah Allah SWT</li> <li>2- Mentaati suruhan dan menjauhi laranganNya</li> <li>3- Sentiasa berzikir dan memuji Allah SWT.</li> </ol> <p>2x 2m = 4m</p>
	(c)	Jelaskan dua hikmah wahyu diturunkan secara berperingkat-peringkat.	
			<p><b>Dua</b> hikmah wahyu diturunkan secara berperingkat-peringkat ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memberi panduan kepada manusia</li> <li>- Memberi jawapan kepada pertanyaan</li> <li>- Memberi ketenteraman dan keteguhan jiwa kepada Rasulullah SAW sendiri</li> </ul> <p>2x 2m = 4m</p>

	(d)	Ajaran sesat ialah sebarang ajaran yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenarnya.	
		Bincangkan cara yang dapat anda lakukan bagi menghindarkan diri daripada terpengaruh dengan ajaran tersebut ?	[ 4 markah ]
		<p><b>Cara menghindarkan diri daripada ajaran sesat</b></p> <p>Mendapatkan didikan agama / yang sempurna sejak dari kecil /seperti melalui ceramah, kuliah dan sebagainya/ dengan itu pengetahuan agama akan menjadi mantap</p> <p>Sentiasa mendalami serta menghayati ajaran Islam / dalam kehidupan seharian / seperti sentiasa melakukan amal soleh /dengan itu keimanan lebih teguh</p>	<p>1 isi</p> <p>1 huraian</p> <p>1 huraian lanjut</p> <p>1 kesimpulan</p>

<b>2</b>	(a)	Syumuliyah bermaksud ajaran Islam bersifat lengkap dan sempurna merangkumi semua aspek kehidupan.	
	(i)	Terangkan <b>dua</b> prinsip syumuliyah.	[ 4 markah ]
		<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kesempurnaan hanya milik Allah, manusia tidak memiliki sifat-sifat kesempurnaan, malahan bersifat lemah.</li> <li>ii. Semua makhluk yang hidup di dunia ini terikat dengan masa, tempat dan ruang yang tertentu.</li> <li>iii. Allah menjadikan manusia sebagai khalifah di bumi. Manusia telah dibekalkan dengan akal fikiran dan syariat supaya hidup manusia menjadi teratur dan sempurna.</li> </ul>	2x 2m = 4m
	(ii)	Jelaskan <b>dua</b> contoh ibadat yang menunjukkan agama Islam bersifat sederhana.	[ 4 markah ]
		<p><b>Dua</b> contoh ibadat yang menunjukkan agama Islam bersifat sederhana:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Islam mengharuskan solat secara jamak dan qasar ketika bermusafir.</li> <li>ii. Islam mengharuskan tidak berpuasa ketika bermusafir atau sakit, tetapi wajib diganti pada hari-hari yang lain.</li> </ul>	2x 2m = 4m
	(b)	Islam adalah agama langit (samawi) yang bersifat rabbaniyyah.	
	(i)	Nyatakan <b>empat</b> ciri agama langit.	[ 4 markah ]

			<b>Empat</b> ciri agama langit: i. Mempunyai kitab suci ii. Ajaran agamanya meliputi segala aspek kehidupan iii. Disampaikan oleh utusan Allah iv. Konsep ketuhanan yang jelas	4x 1m = 4m
		(ii)	Huraikan <b>dua</b> cara anda memiliki sifat rabbaniyyah	[ 4 markah ]
			<b>Dua</b> cara anda memiliki sifat Rabbaniyyah: i. Beriman dengan segala rukun iman (Isi) (huraian bebas). ii. Mengerjakan segala perintah Allah dan meninggalkan segala laranganNya (Isi) (huraian bebas).. iii. Berusaha bersungguh-sungguh untuk mencari keredaan Allah (Isi) (huraian bebas). iv. Berakhlak mulia dengan akhlak terpuji (Isi) (huraian bebas).	2x 2m = 4m
	(c)		Terangkan perkaitan antara konsep <i>thabat</i> dan <i>murunah</i> mengenai perkara berikut:	
		(i)	Solat	
			Perkaitan antara konsep Thabat dan Murunah: Solat : Hukumnya wajib tetapi boleh dilaksanakan mengikut keadaan seperti solat ketika sakit boleh dilakukan secara duduk dan sebagainya.	[ 4 markah ] 2x 2m = 4m
		(ii)	Puasa ramadan	
			Puasa Ramadan : Hukumnya wajib tetapi boleh berbuka sekiranya sakit atau ketika bermusafir.	

<b>3</b>	(a)	(i)	Senaraikan empat prinsip negara Islam.	[ 4 markah ]
			<ul style="list-style-type: none"> <li>• al-musyawahar</li> <li>• al-Adalah</li> <li>• al-Hurriyyah</li> <li>• al-Musawwah</li> </ul>	4x 1m=4m
		(ii)	Terangkan dua tanggungjawab rakyat terhadap pemimpin negara.	[ 4 markah ]
			<ul style="list-style-type: none"> <li>• menumpukan taat setia kepada pemimpin selagi tidak menyimpang dari al-Quran dan hadis</li> <li>• menasihati pemimpin dengan teguran dan nasihat yang baik demi kebaikan Negara.</li> <li>• melindungi pemimpin Islam dari sebarang ancaman luar atau bencana</li> </ul>	2x 2m = 4m

	(b)	(i)	Senaraikan dua etika sistem kehakiman Islam.	[ 4 markah ]
			<ul style="list-style-type: none"> <li>• hakim tidak boleh menyebelahi mana-mana pihak samada pendakwa atau tertuduh.</li> <li>• hakim hendaklah jujur dan amanah dalam tugasnya.</li> <li>• tidak boleh menghakimi orang yang ada kepentingan dengannya.</li> <li>• tidak boleh mensabitkan kesalahan jika ada keraguan.</li> </ul>	2x 2m = 4m
		(ii)	Bincangkan dua kesan sekiranya hakim tidak melaksanakan tanggungjawabnya dengan betul dalam sesuatu perbicaraan	[ 4 markah ]
			<ul style="list-style-type: none"> <li>• keadilan tidak dapat ditegakkan kerana hakim bersifat pilih kasih.</li> <li>• golongan lemah akan sentiasa ditindas kerana tiada pembelaan sewajarnya.</li> <li>• Berlaku huru hara dalam Negara kerana masyarakat tidak berpuas hati dengan tindakan hakim.</li> </ul>	2x 2m = 4m
	(c)		Berdasarkan gambar di atas, sebagai rakyat yang prihatin apakah tindakan anda.	[ 4markah ]
			Kita hendaklah menderma kepada golongan yang memerlukan. Hal ini kerana dapat mengurangkan bebanan yang mereka tanggung seperti memberikan barangan keperluan harian contohnya beras dan minyak masak. Oleh itu kita perlulah sentiasa mengambil berat tentang jiran tetangga sekaligus dapat memupuk hubungan silaturrahim antara kita dengan jiran.	1 isi 1 huraian 1 huraian lanjut 1 kesimpulan

4.	(a)	(i)	Jelaskan <b>dua</b> peranan harta. i. Sebagai alat untuk menikmati kehidupan dengan selesa seperti membeli barang keperluan. ii. Sebagai alat untuk beribadat kepada Allah swt.	[ 4 markah ] 2x 2m = 4m						
		(ii)	Terangkan <b>dua</b> kesan memperolehi harta secara halal kepada masyarakat.	[ 4 markah ]						
			<b>Dua</b> kesan memperolehi harta secara halal kepada masyarakat. i. Masyarakat hidup dalam keadaan aman/apabila tiada penindasan. ii. Perpaduan di kalangan masyarakat menjadi kukuh/ kerana diredai Allah s.w.t.	2x 2m = 4m						
	(b)	Islam mewajibkan umatnya bekerja bagi memenuhi keperluan hidup mereka.								
		(i)	Berikan perbezaan antara bekerja sendiri dan makan gaji.	[ 4 markah ]						
			<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bekerja sendiri</th> <th>Makan gaji</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1. Bebas membuat keputusan sendiri</td> <td>1. Keputusan berdasarkan arahan majikan</td> </tr> <tr> <td>2. Pendapatan tidak tetap</td> <td>2. Pendapatan tetap</td> </tr> </tbody> </table>	Bekerja sendiri	Makan gaji	1. Bebas membuat keputusan sendiri	1. Keputusan berdasarkan arahan majikan	2. Pendapatan tidak tetap	2. Pendapatan tetap	2x 2m = 4m
Bekerja sendiri	Makan gaji									
1. Bebas membuat keputusan sendiri	1. Keputusan berdasarkan arahan majikan									
2. Pendapatan tidak tetap	2. Pendapatan tetap									
		(ii)	Jelaskan dua syarat sesuatu pekerjaan menjadi ibadat.	[ 4 markah ]						
			<b>Dua</b> syarat sesuatu pekerjaan menjadi ibadat. i. Pekerjaan halal serta menepati syarak. ii. Pekerjaan yang tidak melalaikan seseorang daripada melakukan ibadat.	2x 2m = 4m						
	(c)	Berdasarkan gambar di atas mengapakah masih terdapat segelintir masyarakat menjadikan kegiatan tersebut sebagai sumber pendapatan?		[ 4 markah ]						
		Hal ini berlaku kerana lemahnya iman / disebabkan hilangnya sifat rahmah dalam diri seseorang /. Kesannya mereka sanggup bertindak kejam mengambil harta orang lain secara zalim./ Kesimpulannya kita perlu meningkatkan iman kita dengan menghadiri majlis ilmu agar hidup sentiasa terpelihara daripada melakukan maksiat.		1 isi 1 huraian 1 huraian lanjut 1 kesimpulan						

5	(a)	(i)	Jelaskan <b>dua</b> matlamat perundangan Islam.	[ 4 markah ]
			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memelihara agama dengan memelihara kesucian akidah daripada penyelewengan.</li> <li>• Memelihara nyawa daripada dicerobohi dan tiada unsure yang boleh membahayakan diri sendiri dan orang lain.</li> <li>• Memelihara kewarasan akal dan kesempurnaan akal fikiran daripada perkara yang merosakkan.</li> <li>• Memelihara harta benda dengan mengakui hak milik individu dan larangan mencerobohi hak orang lain.</li> <li>• Memelihara keturunan dengan menjaga keturunan daripada dicemari perbuatan yang merosakkan.</li> <li>• Memelihara kehormatan diri dengan menjaga akhlak dan menjauhi perbuatan buruk.</li> <li>• Memelihara keharmonian Negara dengan menjaga keamanan dan keselamatan negara daripada ancaman dalaman dan keluaran.</li> </ul>	2x 2m = 4m
	(b)	(i)	Nyatakan pengertian fikah.	[ 2 markah ]
			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kefahaman tentang hukum amali yang diijtihadkan oleh para mujtahid, yang diambil daripada dalil-dalil syarak. Contohnya bersentuhan kulit antara lelaki dengan perempuan ajnabi membatalkan wuduk menurut mazhab Syafi'i</li> </ul>	1x 2m = 2m
		(ii)	Jelaskan dua kebaikan daripada pelaksanaan hukum fikah .	[ 4 markah ]
			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membolehkan umat Islam melaksanakan ibadat tanpa keraguan.</li> <li>• Menjadikan hukum Islam berkembang serta bersesuaian dengan masa, tempat dan keadaan.</li> <li>• Menentukan hukum Islam sesuai diamalkan dalam kehidupan manusia.</li> </ul>	2x 2m = 4m
	(c)	(i)	Senaraikan dua contoh hukum makruh.	[ 2 markah ]
			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membasuh anggota wuduk melebihi tiga kali</li> <li>• Memakai pakaian yang berbau busuk ketika solat</li> <li>• Memakan bawang ketika hendak solat berjemaah di masjid</li> <li>• Tidur secara berlebihan</li> <li>• Membasuh anggota wuduk melebihi tiga kali</li> </ul>	2x 1m = 2m
		(ii)	Huraikan dua implikasi pelanggaran hokum makruh..	[ 4 markah ]
			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akan menyebabkan seseorang itu tidak disenangi oleh</li> </ul>	2x 2m = 4m

		<p>masyarakat.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akan menghalang seseorang itu daripada mendapat pahala.</li> <li>• Akan menghampirkan seseorang kepada perbuatan sia-sia</li> <li>• Akan menyebabkan seseorang itu melakukan pembaziran</li> </ul>	
	(d)	Sesetengah orang beranggapan hukuman sebat terhadap pezina dianggap zalim.	
		Berikan hujah anda untuk menolak anggapan tersebut.	[ 4 markah ]
		<p>Pada pendapat saya hukuman sebat terhadap pezina tidak zalim kerana peraturan Islam yang lengkap ini bertujuan untuk melindungi kehormatan dan maruah serta keturunan /agar dijauhi kerosakan dan kehinaan. Kesannya maruah dan harga diri umat Islam akan terjaga.(HL) Oleh itu,kita hendaklah menegakkan hukum Allah supaya hidup bahagia didunia dan di akhirat.(K)</p>	<p>1 isi 1 huraian 1 huraian lanjut 1 kesimpulan</p>

<b>6</b>	(a)	Islam menyediakan cara untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh umatnya.	
	(i)	Apakah maksud penyelesaian masalah secara Islam.	[ 2 markah ]
		Maksud penyelesaian masalah secara Islam ialah menyelesaikan masalah manusia berasaskan syariat Islam yang merangkumi semua aspek kehidupan seperti ekonomi, politik, sosial dan perundangan.	1x 2m = 2m
	(ii)	Al-Quran merupakan panduan yang diturunkan dari Allah kepada manusia. Bagaimanakah al-Quran dapat menyelesaikan kehidupan rumah tangga yang bermasalah.	[ 4 markah ]
		<p>Contoh jawapan: Isi - Al-Quran dapat menyelesaikan masalah rumah tangga dengan menyediakan pelbagai kaedah. Huraian - Hal ini kerana ianya menyediakan jalan yang sempurna dan kaedah terbaik. Huraian lengkap - seperti talak yang dapat mengatasi masalah ketidaksefahaman antara pasangan Penutup - Kesimpulannya, Al-Quran merupakan kitab panduan yang lengkap dan sempurna bagi menyelesaikan semua masalah manusia.</p>	<p>1 isi 1 huraian 1 huraian lanjut 1 kesimpulan</p>
	(b)	(i) Jelaskan <b>dua</b> langkah menyelesaikan masalah tersebut melalui akhlak.	[ 4 markah ]



		<p>Dua langkah menyelesaikan isu tersebut melalui akhlak:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Umat Islam perlu mematuhi peraturan yang disediakan (Isi) (Huraian bebas).</li> <li>ii. Umat Islam perlu mengamalkan akhlak yang mulia dalam kehidupan seharian (Isi) (Huraian bebas).</li> </ol> <p>Jawapan munasabah diterima.</p>	2x 2m = 4m
	(ii)	Nyatakan <b>dua</b> amalan dalam penyelesaian masalah menurut Islam.	[ 2 markah ]
		<p>Dua amalan dalam penyelesaian masalah menurut Islam:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Melalui al-Quran</li> <li>ii. Melalui al-Hadis</li> <li>iii. Melalui tindakan pemerintah</li> <li>iv. Melalui nasihat yang bijaksana</li> <li>v. Melalui dakwah</li> <li>vi. Melalui pendidikan</li> <li>vii. Melalui doa</li> <li>viii. Melalui kesungguhan bekerja</li> <li>ix. Melalui pegangan agama Islam yang teguh.</li> </ol>	2x 1m = 2m
	(c)	Kes buang bayi merupakan masalah sosial yang membimbangkan.	
	(i)	Huraikan <b>dua</b> punca perkara ini masih berlaku dalam kalangan masyarakat.	[ 4 markah ]
		<p>Dua punca perkara ini masih berlaku dalam kalangan masyarakat</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Kurang didikan agama (Isi) (Huraian bebas)</li> <li>ii. Terpengaruh dengan rakan yang berakhlak negatif (Isi) (Huraian bebas)</li> <li>iii. Terpengaruh dengan media massa yang negatif (Isi) (Huraian bebas)</li> </ol>	2x 2m = 4m
	(ii)	Cadangkan <b>dua</b> usaha anda untuk menangani masalah ini.	[ 4 markah ]
		<p>Dua usaha untuk menangani masalah ini</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Mendampingi ulama (Isi) (huraian bebas)</li> <li>ii. Menghadiri majlis ilmu (Isi) (huraian bebas)</li> <li>iii. Berakhlak mulia (Isi) (huraian bebas)</li> </ol>	2x 2m = 4m

7	(a)	Terangkan <b>dua</b> implikasi pengabaian muamalah Islam dalam kehidupan seharian.	[ 4 markah ]
		<b>Dua</b> implikasi pengabaian muamalah Islam dalam kehidupan seharian. i. Melahirkan individu yang mementingkan diri sendiri. ii. Melahirkan individu yang tamak dan haloba. iii. Kehidupan golongan miskin tidak terbelah.	
	(b)	Senaraikan tiga jenis muamalah bagi setiap perkara berikut :	
	(i)	jenis muamalah yang dibenarkan oleh Allah s.w..t	[ 6 markah ]
		Jenis muamalah yang dibenarkan oleh Allah s.w..t i. Al-Wadiah ii. Al-Ijarah iii. Al-Mudharabah iv. Ar-Rahnu	
	(ii)	jenis muamalah yang tidak dibenarkan oleh Allah s.w..t	
		Jenis muamalah yang tidak dibenarkan oleh Allah s.w..t i. Manipulasi ii. Monopoli iii. Riba iv. Rasuah	
	(c)	Gambar di atas menunjukkan kesalahan yang boleh dijatuhkan hukuman hudud yang menepati syarat-syaratnya.	
	(i)	Nyatakan hukuman bagi perbuatan tersebut .	[ 2 markah ]
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesalahan mencuri – Dipotong tangan di pergelangan tangan.</li> </ul>	
	(ii)	Hukuman hudud yang ditetapkan dalam jenayah di atas mampu mengawal perbuatan manusia. Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan ini.	[ 4 markah ]
		Hukuman yang ditetapkan Allah akan membuat manusia sentiasa berhati-hati dalam setiap tindakan yang dilakukan(I) kerana sedar akan hukuman yang menanti sekiranya melakukan jenayah(H). Kesannya keamanan dapat diwujudkan dalam masyarakat. (HL)Kesimpulannya sebagai umat Islam kita hendaklah sentiasa berada di jalan yang benar agar terhindar dari pembalasan dunia juga akhirat(K)	1 isi 1 huraian 1 huraian lanjut 1 kesimpulan
	(d)	Terangkan dua cara taubat kepada manusia.	[ 4 markah ]
		i. Bertaubat dengan ikhlas. ii. Menyesali dosa yang dilakukan.	2x 2m = 4m

SKEMA JAWAPAN TAMAT